



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 12 OGOS 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KES DERA: KPWK KAJI WAJIBKAN PASANG CCTV DI TASKA	
	https://www.malaysiakini.com/news/675341	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/11/kpwkm-rancang-kuat-kuasa-pemasangan-cctv-di-taska/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/273214/berita/nasional/kpwkm-rancang-kuat-kuasa-undang-undang-pasang-cctv-di-taska	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/kpwkm-rancang-kuat-kuasa-pasang-cctv-di-taska/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinardaily.my/article/204382/malaysia/national/women-family-and-community-development-ministry-plans-to-enforce-cctv-installation-laws-at-daycare-centres	SINARDAILY.MY
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2215426	BERNAMA.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/08/11/laws-on-cctvs-in-childcare-centres-may-be-enforced/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.thesundaily.my/local/kpwkm-plans-to-enforce-cctv-installation-laws-at-daycare-centres-GG11354983	THESUNDAILY.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/08/11/undang-undang-pasang-cctv-di-taska-mungkin-dikuatkuasakan/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	3,767 KES KANAK-KANAK PERLU PEMELIHARAAN, PERLINDUNGAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/3767-kes-kanak-kanak-perlu-pemeliharaan-perlindungan/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	DISABLED STILL HAVE LITTLE ACCESS TO AMENITIES, STUDY FINDS	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/11/disabled-still-have-little-access-to-amenities-study-finds	THESTAR.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

12/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	PENGUTIP TIN MOHON BANTUAN SARA ANAK OKU SAKIT TULANG BELAKANG	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/11/pengutip-tin-mohon-bantuan-sara-anak-sakit-tulang-belakang/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	IBU TUNGGAL CEKAL JAGA ANAK SAKIT JANTUNG, PARU-PARU KRONIK	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/ibu-tunggal-cekal-jaga-anak-sakit-jantung-paru-paru-kronik/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	'BANTULAH GURU DAN MUDIR PONDOK'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/997996/bantulah-guru-dan-mudir-pondok	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	INISIATIF WANITA WAJA ANGKAT IMEJ WANITA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/273146/video/inisiatif-wanita-waja-angkat-imej-wanita	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	'MOGA TIADA LAGI MANGSA SAMA'	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/08/998025/moga-tiada-lagi-mangsa-sama	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	WANITA, TEMAN LELAKI DIDAKWA BUNUH ANAK BERUSIA 9 TAHUN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-teman-lelaki-didakwa-bunuh-anak-berusia-9-tahun-432270	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/11/pasangan-kekasih-didakwa-bunuh-kanak-kanak-lelaki-sembilan-tahun/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/273141/berita/semasa/ibu-kekasih-didakwa-bunuh-anak-sembilan-tahun	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=Llbyj-6Mkg	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
10	YAYASAN RHYTHM BANGUNKAN 'SEKULAH BATEQ' BANTU ORANG ASLI ETNIK BATEQ	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/11/yayasan-rhythm-bangunkan-sekolah-bateq-bantu-orang-asli-etnik-bateq/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	OKU BUKAN PENGHALANG NURUL JADI PENGHIBUR SENI BELON	
	https://malaysiagazette.com/2023/08/11/oku-bukan-penghalang-nurul-jadi-penghibur-seni-belon/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
12	HUGE POTENTIAL IN UNDERSERVED DISABLED INSURANCE MARKET	
	https://theedgemalaysia.com/article/huge-potential-underserved-disabled-insurance-market?type=Corporate	THEEDGEMALAYSIA.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	WANITA DIPUKUL, DIROGOL LELAKI BARU DIKENALI	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/wanita-dipukul-dirogol-lelaki-baru-dikenali/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	WANITA DEDAH SYARIKAT TAHAN GAJI, DILAYAN SEPERTI PEMINTA SEDEKAH	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/11/wanita-dedah-syarikat-tahan-gaji-dilayan-seperti-peminta-sedekah/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	KANAK-KANAK WARGA ROHINGYA DITEMUI LEMAS	
	https://www.sinarharian.com.my/article/273253/edisi/utara/kanak-kanak-warga-rohingya-ditemui-lemas	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	WARGA EMAS TERKILAN TAK DAPAT TANAH DITEROKA SEJAK 1970	
	https://www.sinarharian.com.my/article/273209/edisi/terengganu/warga-emas-terkilan-tak-dapat-tanah-diteroka-sejak-1970	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK


**MALAYSIA
MADANI**www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

12/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
17	WARGA EMAS MAUT JATUH MOTOSIKAL DAN DIGILIS LORI	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/11/warga-emas-maut-jatuh-motosikal-dan-digilis-lori	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://tvstv.my/2023/08/11/warga-emas-maut-digilis-lori-di-sibu/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	IBU TUNGGAL HIDAP KANSER CEKAL BESARKAN EMPA ANAK TERMASUK DUA OKU	
	https://www.astroawani.com/videos/awani-borneo-x7ko9t/ibu-tunggal-hidap-kanser-cekal-besarkan-empa-anak-termasuk-dua-oku-x8n5f3o	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=VbGzIY69PAo	YOUTUBE



TAJUK : 'HENTI SEBAR VIDEO AYAH'

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Henti sebar video ayah'

Keluarga serah
polis siasat
kejadian lelaki
ditemui maut
dalam teks

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@bh.com.my

Kuala Terengganu: Keluarga kepada lelaki yang ditemui mati dengan beberapa kesan kecederaan di belakang badannya di Klinik Kesihatan Seberang Takir, Kuala Nerus, kelmarin meminta orang awam berhenti menyebarkan gambar berhubung kejadian itu.

Muhammad Nashar Fikri, 20, yang juga anak sulung kepada mangsa, Allahyarham Mohd Latif Idris, 51, juga berharap orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi mengenai kejadian itu.

"Saya mohon jasa semua berhenti sebar video itu dan kami (keluarga) menyerahkan sepenuhnya kepada pihak polis untuk membuat siasatan," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Kubang Parit di sini, semalam.

Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) itu berkata, arwah bapanya tidak menunjukkan sebarang perubahan sebelum kejadian itu sambil menyifatkan arwah seorang yang penyayang.

Katanya, menjadi kebiasaan bapanya bersama ibu, Noor Azlina Ramli, 41, dan adiknya, Eliy Syazwani, 16, keluar menghabiskan masa bersama setiap hujung minggu.

"Walaupun masih terkejut dengan kejadian menimpa ayah, kami semua reda dengan ujian Allah SWT," katanya.

Media sebelum ini melaporkan seorang lelaki ditemui ma-



Polis mengangkat mayat Mohd Latif yang ditemui mati dengan beberapa kesan kecederaan dalam sebuah teks di Kuala Terengganu, malam kelmarin.
(Foto Ghazali Koti/BH)

ti dengan beberapa kesan kecederaan di belakang badannya dalam kejadian berhampiran Klinik Kesihatan Seberang Takir Kuala Nerus.

Mangsa yang juga pemandu teks di tempat duduk belakang dengan berlumuran darah.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisyoner Abdul Rahim Md Din, berkata hasil pemeriksaan mendapati seorang lelaki dengan pakaian berlumuran darah di tempat duduk pemandu, manakala seorang lagi lelaki yang parah dan tidak bergerak di tempat duduk belakang.

"Polis turut merampas sebilah pisau yang ditemui di pelapik kaki pemandu untuk siasatan lanjut dan siasatan awal mendapati mangsa adalah pemandu teks berkenaan, manakala suspek berusia 29 tahun adalah penumpang," katanya.

Abdul Rahim berkata, siasatan lanjut dijalankan me-

ngenal pasti punca kejadian. "Mayat mangsa dibawa ke Jabatan Perubatan Forensik Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu untuk bedah siasat.

"Pagi ini (semalam), suspek dibawa ke mahkamah bagi mendapatkan permohonan reman dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan," katanya.

Pesanan terakhir ayah

Sementara itu, anak bongsu mangsa, Eliy Syazwani, berkata menjadi rutin harian arwah bapanya menghantar ke Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nilam setiap hari.

"Hari itu, macam biasa ayah ambil saya di sekolah dan hantar pulang, tetapi ayah tiba-tiba bercakap macam itu.

"Ketika itu, memang tak syak apa-apa tetapi bila kejadian ini berlaku ia, ia macam pesanan kepada saya.

"Adik tunggu, ayah dah nak pergi dah, itu kata-kata te-

rakhir ayah selepas mengambil saya pulang dari sekolah petang kelmarin," katanya.

Sementara itu, Noor Azlina, berkata arwah suami membuat panggilan kira-kira jam 8 malam memaklukkannya dia dalam perjalanan pulang dari Kota Bharu, Kelantan.

Katanya, pada hari kejadian, suaminya keluar rumah kira-kira jam 9 pagi dan pulang jam 1 petang untuk mengambil anak bongsu di sekolah.

"Arwah keluar semula jam 2.30 petang untuk menghantar barang dan dia menghubungi saya pada jam 8 malam memaklumkan dalam perjalanan pulang.

"Ketika itu, saya tidak bertanya dia di mana dan hanya mengetahui kejadian itu selepas tular di Facebook dan WhatsApp sebelum berges ke lokasi 11.15 malam.

"Memang terkejut sebab kejadian berlaku tiba-tiba dan saya harap pelakunya dikenakan hukuman setimpal," katanya.



TAJUK : IBU, TEMAN LELAKI DIDAKWA BUNUH ANAK

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu, teman lelaki didakwa bunuh anak

Tiada pengakuan direkodkan kerana kes di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi

Oleh Muhammad
Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Taiping: Seorang wanita dan teman lelakinya didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan membunuh anak lelakinya berusia 9 tahun, dua minggu lalu.

Siti Farina Mohamed Basharol Ariffin, 36, dan Izuhaizad Ismail, 37, menganggu faham sejourus pertuduhan dibacakan terhadap mereka di hadapan Majistret Nur 'Atiqah Sapari.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada kedua-dua tertuduh kerana kes bunuh di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua mereka secara bersama menyebabkan kematian ke atas kanak-kanak lelaki, Muhammad Hasiffaidhi Mohamad Jeffrey, 9, di



Siti Farina dan Izuhaizad didakwa di Mahkamah Majistret Taiping, semalam. (Foto BERNAMA)

sebuah rumah di Taman Panglima, Assam Kumbang antara jam 10.30 pagi pada 29 Julai hingga jam 10.52 pagi 30 Julai lalu.

16 Oktober sebutan semula kes

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama, yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman mati atau penjara minimum 30 tahun dan maksimum 40 tahun serta sebatan tidak kurang 12 kali jika tidak dihukum mati.


Mahkamah menetapkan 16 Oktober ini untuk tarikh sebutan

semula kes untuk laporan kimia, bedah siasat, forensik dan asid deoksiribonukleik (DNA).

Tiada jaminan ditawarkan kerana ia membabitkan kes mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Siti Nur Amalina Harun, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Pada 30 Julai lalu, media melaporkan seorang kanak-kanak ditemukan meninggal dunia di sebuah rumah hasil maklumat orang awam yang melaporkannya kepada polis.



TAJUK : KOMUNIKASI TERBUKA ELAK PERPECAHAN KELUARGA

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Komunikasi terbuka elak perpecahan keluarga

Rozalli Hashim,
Kumpulan
Fokus Institusi
Keluarga Utuh

Setiap keluarga dibina atas dasar kasih sayang, saling mempercayai, amanah dan bertanggungjawab. Namun apabila ia pudar, sesebuah keluarga itu akan memasuki fasa mencabar yang jika tidak ditangani dengan baik akan menuju kehancuran.

Menyelamatkan keluarga daripada perpecahan adalah penting dalam mengekalkan hubungan yang sihat dalam unit keluarga. Apabila keluarga berantakan, kebencian dan kepahitan mudah timbul perlahan-lahan.

Menurut Islam, memelihara keluarga daripada berpecah adalah satu tuntutan. Dalam surah An-Nisa ayat 36, Allah SWT menganjurkan umat Islam supaya tidak bersikap sombong dan berusaha melakukan kebaikan terutama kepada ibu bapa dan ahli keluarga.

Seorang suami dan bapa menanggung amanah untuk menyelamatkan diri dan anggota keluarganya daripada bencana kehidupan di dunia dan di akhirat. Sebab itulah dia perlu berusaha bersama isteri dan ahli keluarganya menjaga integriti serta keselamatan rumah tangga.

Sebuah keluarga yang berantakan juga berdepan dengan cabaran emosi yang hebat, tambahan pula dengan adanya anak. Kerap kali pergeseran yang berlaku dalam rumah tangga akan menjejaskan emosi anak. Justeru setiap pasangan perlu menjadikan hal itu keutamaan dalam menyelesaikan pergeseran rumah tangga.

Komunikasi ialah kunci atau tulang belakang kepada sebarang hubungan yang berjaya. Justeru ia mesti diselesaikan dengan berkomunikasi iaitu membuka peluang kepada kedua-dua belah pihak untuk berkongsi pandangan dan fikiran mereka tanpa penilaian atau kritikan.

Berikan peluang untuk setiap pihak meluahkan perasaan masing-masing. Penting untuk mengekalkan suasana selesa dan rasional dalam perbincangan itu. Jadi, jangan meninggikan suara, mengherdik, menjerit-jerit atau menghukum. Kawal emo-

si sebaiknya dan berbincanglah secara matang.

Justeru, jika situasi perbincangan itu memerlukan moderator, pilihlah individu yang dipercayai dan mampu berperanan sebagai orang tengah. Beliau boleh berfungsi sebagai sistem sokongan yang dapat membantu mengendurkan ketegangan dan mengeratkan kembali hubungan dalam keluarga.

Dapatkan bantuan profesional

Malah, pasangan yang berhadapan konflik juga boleh mendapatkan bantuan profesional. Apa yang penting setiap pihak perlu berusaha untuk menyelamatkan keluarga.

Setiap pihak perlu memahami betapa pentingnya untuk bertanggungjawab atas sebarang kesilapan atau konflik dalam keluarga. Justeru mereka perlu berusaha ke arah mencari penyelesaian yang mem-


beri manfaat kepada semua terbabit.

Oleh itu, jika jalan penyelesaian awal menjadi buntu, berehatlah. Ambil masa untuk bertenang dan merenung kembali apa yang ingin dikatakan sebelum meneruskan perbualan. Ini akan membantu mengelakkan ledakan emosi dan memastikan semua orang didengari serta difahami.

Selepas itu, pilihlah masa dan tempat yang sesuai untuk meneruskan perbincangan. Ingatlah, membina hubungan yang kukuh memerlukan masa dan usaha, tetapi dengan kesabaran, masa, komunikasi terbuka serta doa, masalah yang dihadapi mungkin akan dapat diatasi.

Penyembuhan memerlukan usaha daripada semua pihak yang terbabit. Bersabarlah dengan diri sendiri dan orang lain semasa berusaha membina ikatan keluarga yang lebih utuh.





TAJUK : KPWKM MAHU KUAR KUASA AKTA PASANG CCTV TASKA

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 15

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

KPWKM mahu kuat kuasa akta pasang CCTV di TASKA

Cyberjaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merancang untuk menguatkuasakan undang-undang pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di setiap premis Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) berdaftar bagi menangani isu penderaan kanak-kanak.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihaknya akan melakukan perbincangan berhubung perkara itu di peringkat kementerian membabitkan agensi dan jabatan berkaitan dalam tempoh terdekat.

Bercakap pada sidang media selepas merasmikan Program Perkhidmatan Organisasi Dalam Komuniti (CBO) KPWKM semalam, beliau berkata, terdapat premis TASKA yang tidak memasang CCTV kerana tiada penguatkuasaan di bawah undang-undang setakat ini, sebaliknya pengusaha hanya digalakkan memastikannya.

"Dahulu pun kita suruh, ada yang tidak bersetuju kerana (faktor) kos pemasangan CCTV. Mungkin kita akan tengok adakah ia membabitkan kos yang terlalu tinggi. Itu kita akan bincang bersama," katanya mengulas video tular seorang kanak-kanak dipercayai didera di sebuah TASKA di Sabah yang diambil daripada rakaman CCTV.

Nancy berkata, dengan adanya pemasangan CCTV ia dapat mengembalikan keyakinan ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke pusat jagaan berikutan kes penderaan yang berlaku sebelum ini.

"Elok untuk kita pastikan CCTV itu dipasang dan pengurus TASKA haruslah mematuhi," katanya.

Pada Mac lalu di Dewan Rakyat, Nancy dilaporkan berkata, tindakan mewajibkan pemasangan CCTV kepada pengusaha TASKA yang berdaftar antara tiga penambahbaikan yang dilakukan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam usaha meningkatkan operasi di pusat jagaan kanak-kanak itu.

Katanya, pemasangan CCTV di TASKA juga membolehkan sebarang kejadian tidak diinginkan jika berlaku di premis itu dapat disiasat lebih terperinci.

Sementara itu, Nancy berkata, sebanyak 3,787 kes kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dilaporkan di seluruh negara dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Selain itu, katanya, berdasarkan statistik dikeluarkan JKM, jabatan itu juga sudah mengendalikannya 402 kes kegunaan rumah tangga di seluruh negara dalam tempoh sama.

BERNAMA



TAJUK : AJAKAN JAHAT DI BUS STAND

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 21

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

AJAKAN JAHAT DI *BUS STAND*

Wanita diajak naik motor ke rumah suspek untuk hisap dadah kena noda, dipukul

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
[mhafis@mediapri-
ma.com.my](mailto:mhafis@mediapri-
ma.com.my)



*Suspek memukul
mangsa di badan,
kepala dan muka
sebelum merogolnya
sambil disaksikan
seorang lagi wanita"*

Ampang Jaya

Perkenalan singkat di perhentian bas di sini, berakhir tragedi apabila seorang wanita dipukul dan dirogol di sebuah rumah di sini, Isnin lalu.

Mohd Azam

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, dalam kejadian jam 12 tengah hari itu, mangsa berusia 34 tahun berkenalan dengan suspek berusia 41.

Menurutnya, mangsa kemudian diajak menaiki motosikal ke rumah suspek di Pandan Indah di sini, untuk menagih dadah.

"Semasa berada di rumah itu, suspek memukul mangsa di bahagian badan, kepala dan muka sebelum merogolnya sambil disaksikan seorang lagi wanita yang disyaki teman wanitanya.

"Susulan itu sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (BSJD) Ampang Jaya menangkap suspek di sebuah bilik hotel

di kawasan Batu Caves, Gombak jam 6.30 petang kelmarin.

"Tangkapan membabitkan lelaki dan wanita berusia 41 dan 39 tahun," katanya semalam.

Beliau berkata, suspek pertama mempunyai 29 rekod jenayah dan dadah manakala suspek kedua mempunyai sembilan rekod dadah.

"Ujian air kencing dijalankan ke atas kedua-dua suspek didapati positif jenis methamphetamine dan amphetamine.

"Lelaki itu direman seminggu bermula manakala wanita direman empat hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan Seksyen 324 Kanun Keseksaan," katanya.



TAJUK : IBU, KEKASIH DITUDUH MEMBUNUH

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

KEMATIAN KANAK-KANAK BERUSIA SEMBILAN TAHUN

IBU, KEKASIH DITUDUH MEMBUNUH



SEORANG ibu dan teman lakinya didakwa di Mahkamah Majistret semalam atas pertuduhan membunuh anak lelakinya yang berusia sembilan tahun, bulan lepas. Siti Farina Mohamed Basharol Ariffin, 36, dan Izuhaizad Ismail, 37, mengganggu faham selepas pertuduhan dibacakan terhadap mereka di hadapan Majistret Nur Atiqah Sapari.

Oleh Muhammad
Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Taiping

Seorang ibu dan kekasihnya dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan membunuh hingga menyebabkan kematian seorang kanak-kanak lelaki yang juga anak wanita terbabit, hujung bulan lalu.

Tertuduh, Siti Farina Mohamed Basharol Ariffin, 36, dan Izuhaizad Ismail, 37, kelihatan tenang ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Nur Atiqah Sapari.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada kedua-duanya berikutan kes bunuh di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Berdasarkan pertuduhan, mereka secara bersama melakukan bunuh dengan menyebabkan kematian ke atas Muhammad Hasiffaidhi Mohamad Jeffrey, 9, di Taman Panglima, Assam Kumbang di sini, antara jam 10.30 pagi

» INFO


Mahkamah tidak menawarkan jaminan dan menetapkan 16 Oktober depan untuk sebutan semula sementara menunggu laporan bedah siasat.

29 Julai lalu hingga 10.52 pagi 30 Julai lalu.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksyen dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman mati atau penjara minimum 30 tahun dan maksimum 40 tahun serta sebatan tidak kurang 12 kali jika tidak dihukum mati.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Siti Nur Amalina Harun manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah tidak menawarkan jaminan dan menetapkan 16 Oktober depan untuk sebutan semula sementara menunggu laporan bedah siasat.



TAJUK : LELAKI CEDERA DIKAPAK BEKAS SUAMI KEKASIH

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kota Kinabalu: Akibat cemburu, seorang lelaki parah selepas ditetak menggunakan kapak oleh bekas suami teman wanitanya di kawasan terbuka bulatan berhampiran Menara Kinabalu di sini, Rabu lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 9 malam, mangsa berusia 37 tahun luka di muka, tangan dan kaki hingga ibu jari kaki kanan hampir putus.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisyoner Mohd Zaidi Abdullah berkata, siasatan awal mendapati ketika kejadian mangsa bersama teman wanitanya berusia 30 tahun sedang makan di dalam kereta di kawasan berkenaan.

Katanya, tiga lelaki termasuk seorang suspek adalah bekas suami teman wanita mangsa menghampiri mangsa sebelum menyerang menggunakan kapak.

"Mangsa ditetak guna kapak di dalam kereta berkali-kali oleh bekas suami teman wanitanya hingga cedera di muka, tangan dan kaki.

"Mangsa dan teman wanitanya berjaya menyelamatkan diri lalu menuju ke Balai Polis Alam Mesra," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mohd Zaidi berkata, mangsa dihantar ke Hos-

Lelaki cedera dikapak bekas suami kekasih



Motif serangan berkenaan dipercayai akibat rasa cemburu dan kes disiasat mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksan kerana dengan sengaja menyebabkan cedera parah menggunakan senjata"

Mohd Zaidi Abdullah



pital Queen Elizabeth bagi mendapatkan rawatan lanjut manakala teman wanitanya tidak mengalami kecederaan.

"Motif serangan berkenaan dipercayai akibat rasa cemburu dan kes disiasat mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksan kerana dengan sengaja menyebabkan cedera parah menggunakan senjata," katanya.

Beliau berkata, pihaknya sedang memburu tiga individu iaitu suspek yang terabit dalam kes berkenaan.


"Tiga suspek yang dikehendaki adalah Winhal Jalali, 37, iaitu bekas suami kepada teman wanita mangsa.

"Dua lagi suspek iaitu Abdel Jalali, 27, dan seorang

lagi belum dikenal pasti iaitu rakan suspek," katanya.

Di samping itu, Mohd Zaidi berkata, polis meminta mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berhubung kejadian terabit atau individu yang dikehendaki untuk tampil ke balai polis berdekatan atau menghubungi pegawai penyiasat kes iaitu Inspektor Muhammad Khaidir Zakaria di talian 014-8019618.

Difahamkan, wanita berkenaan berkahwin adat kampung dengan suspek pada 2015 dan mereka kemudiam bercerai sebulan yang lalu.



TAJUK : LELAKI MAUT DALAM TEKSI

HARI : SABTU

TARIKH : 12 OGOS 2023

TONE : NEGATIF

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 11

SEKTOR : KPWKM



ANGGOTA polis mengusung mayat lelaki warga tempatan yang ditemukan di dalam sebuah teksi dipercayai miliknya berhampiran Klinik Kesihatan Seberang Takir, Kuala Nerus.

Lelaki maut dalam teksi

Kuala Nerus: Seorang lelaki warga tempatan ditemukan maut di dalam sebuah teksi dipercayai miliknya berhampiran Klinik Kesihatan Seberang Takir di sini, malam kelmarin.

Mangsa berusia 51 tahun itu ditemukan dalam keadaan tidak sedarkan diri di bahagian tempat duduk penumpang belakang teksi itu dengan beberapa kesan kecederaan pada badan.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Ab-

dul Rahim Md Din berkata, polis menerima panggilan berhubung penemuan mangsa jam 10.56 malam.

“Sebaik terima laporan, polis mengerah sepasukan pegawai dan anggota ke lokasi berkenaan bagi menjalankan siasatan.

“Siasatan mendapati terdapat beberapa kesan kecederaan pada mangsa dan dia disahkan meninggal dunia oleh pegawai kesihatan di lokasi kejadian,” katanya

ketika dihubungi.

Abdul Rahim berkata, hasil siasatan turut menemukan pisau di atas pelapik kaki bahagian pemandu teksi berkenaan.

Susulan itu, katanya, pihaknya menahan seorang lelaki berusia 29 tahun untuk membantu siasatan kes mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

“Mayat mangsa dihantar ke Unit Forensik Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) untuk tindakan lanjut dan siasatan lanjut sedang berjalan bagi mengenal pasti motif kejadian,” katanya.

Mangsa ditemukan tidak sedarkan diri di tempat duduk penumpang belakang teksi



TAJUK : TAXI DRIVER FOUND DEAD IN VEHICLE, SUSPECT HELD

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Policemen checking the taxi in which the driver was found dead in the backseat in Seberang Takir, Kuala Nerus, on Wednesday. The suspect, who was in the driver's seat, has been detained. PIC BY GHAZALI KORI

KNIFE SEIZED

Taxi driver found dead in vehicle, suspect held

KUALA NERUS: A 51-year-old taxi driver was found dead with multiple injuries in the back of his body on Wednesday night.

The man's body was found in the back seat of his taxi near a clinic in Seberang Takir.

Kuala Terengganu police chief Assistant Commissioner Abdul Rahim Md Din said police received a call from the public at 10.56pm.

He added that a team was sent to the location and found two men in the taxi.

"Further inspection revealed a man with his clothes covered in blood sitting in the driver's seat, while another man sitting at the passenger's (left) side in the back seat was seriously injured and immobile.

"Following this, examination by a medical officer confirmed that the victim in the back seat had died.


"Police seized a knife found at the driver's footrest for further investigation," he said when met at the location.

Rahim said a preliminary investigation revealed that the victim was the taxi driver, while the 29-year-old suspect in the driver's seat was a passenger.

He added that further investigation was underway to determine what transpired in the incident.

"The body of the victim was sent to the Sultanah Nur Zahirah Hospital in Kuala Terengganu for a post-mortem.

"The suspect has been remanded," he said.



TAJUK : CHILDREN RUN BOOTHS AT JCI LUTONG'S LITTLE BOSS 5.0 CARNIVAL DAY

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Children run booths at JCI Lutong's Little Boss 5.0 Carnival Day

MIRI: Young 'entrepreneurs' aged seven to 12 operated some 15 booths at the Little Boss 5.0 Carnival Day, hosted by the Junior Chamber International (JCI) Lutong Chapter, at Bintang Megamall recently.

A press release said the children sold a variety of handicrafts as well as delicious home-made food prepared with help from their parents.

Little Boss 5.0 aimed to cultivate young entrepreneurs and innovators by providing them with training, guidance, and resource support.

To motivate the children, each Little Boss entrepreneur also received an RM10 voucher to support others' stalls at the carnival.

Outstanding young entrepreneurs received various awards.

The Best Outlet Award went to 'Team CGS', 'Akasia', and 'Fire Fox', while the Best Pitch Award was won by 'Black Smith', 'Flower Girl's', and 'CMZ Knewton Group'.

'Whimsical Wonders' and 'Meow Meow Fun' groups won the Best Employer Award.

'Whimsical Wonders' also won the Best Social Enterprise award for their selfless donation of all their RM494 'income' made during the carnival.



Little Boss 5.0 participants and organisers gather for a group photo.

Councillor Leslie Lau officiated at the awards on behalf of Deputy Minister for Tourism, Creative Industry and Performing Arts Datuk Sebastian Ting.

The event raised RM2,876 and with Torr Energy Sdn Bhd's ringgit-to-ringgit match donation, RM5,752 was raised in total.

The proceeds would be channelled to the Lawas Cataract


Camp, scheduled to take place from Sept 20 to 22.

The camp seeks to support up to 30 cataract patients in Sarawak for intraocular lens surgery to help regain their vision. Each surgery is expected to cost about RM400.

JCI Lutong thanked event partners Torr Energy, Amanah Saham Nasional Bhd, Chamspeak, efresh, and event

sponsors Sarawak Oil Palms Berhad, Sugarbun Bintang Megamall, Three Legs Cooltopia, Seed Pastry House, and Harmoni Schools.

"We also express gratitude to everyone involved in making the event possible, including the venue support from Bintang Megamall Miri and Champs Education Centre," added the press release.



TAJUK : CLERK LOSES RM250,000 TO PHONE SCAM

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Clerk loses RM250,000 to phone scam

MIRI: A clerk here, in her 40s, has claimed to have lost some RM250,000 to a phone scam.

She reported having received a call from someone claiming to be a courier agent named 'Pang Hui Lee' from Perak last month, informing her about a parcel under her name that contained five identification cards, five ATM cards and five passports, sent by a person named 'Nor Azmi Bin Nazri' in Terengganu.

"However, the victim denied ever making such an arrangement; then, the call was passed to another number '+87052451072' to allow the victim to 'lodge a police report'.

"She then spoke to a person named 'Sergeant Lai' who claimed that the victim was involved in a human trafficking syndicate in Vietnam led by two individuals with the title of 'Dato'," said state police chief Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri in a statement yesterday.

In fear, the woman wanted 'Sjn Lai' to help resolve the case, but the latter informed her that they must keep the matter confidential.

"The victim was also required to check with the suspect every three hours via WhatsApp, and (she) was then introduced to a 'Dato Wong' from Bukit Aman, who claimed that he could assist in resolving her case.

"The victim immediately contacted 'Dato Wong' and was told that a warrant of arrest had been issued against her, and that she would be arrested



Datuk Mohd
Azman Ahmad
Sapri

anytime to be produced in court."

Subsequently, the woman was instructed to surrender all the money in her bank account to be reviewed by 'Bank Negara Malaysia' as the police, according to 'Dato Wong', found that she was also involved in illicit money transfers.

"Out of fear, the victim informed 'Dato Wong' that she had four bank accounts under her name; she was later instructed to transfer the money in the accounts.

"The victim carried out nine online transactions from her bank accounts, totalling approximately RM250,000 (of transfers) into eight different bank accounts between the end of July and early August this year.

"The victim only realised she had been scammed after calls and WhatsApp messages were blocked by 'Sergeant Lai', before she finally disclosed the matter to her siblings."

She then lodged a police report for further investigation, said Mohd Azman.



TAJUK : ST FAITH'S KINDERGARTEN FAMILY FUN RUN EXPECTS OVER 500 IN TURNOUT

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



(From Left) TSF headmistress Aline Ong, St Faith's Church Vicar Rev Bradley Sangan, Andee and JobStock founder and director Ryan Jee jointly promote the 'Family Fun Run'.

St Faith's Kindergarten Family Fun Run expects over 500 in turnout

KUCHING: St Faith's Kindergarten (TSF) is welcoming all to take part in the 'TSF Family Fun Run', scheduled for this Oct 14, with flag-off at 6am the Kuching South City Council (MBKS) foyer.

According to the kindergarten's management board chairperson Andee Yeo, the event is similar to those held before the height of Covid-19 pandemic, only that the previous runs only involved the pupils, their parents, the teachers and staff members of the preschool.

"Now, we welcome participation from the public. This run holds a special significance for TSF, as it marks a departure from previous internal fundraisers, signalling a broader engagement with the community," said Andee in a statement, adding that the organiser could expect up to 500

participants this time.

There would be two categories: the 3km and the 5km.

"The alumni of TSF, along with their families, are encouraged to take part in this run.

"Aptly themed 'Run with a Mission', it is meant to support the fundraising efforts, from which the proceeds would be used to cover the upgrading works on the kindergarten premises," said Andee.

Registration remains open until this Sept 13, and can be done via the Ticket2U link: <http://t2u.asia/e/32063>.

Alternatively, call [012-847 6008](tel:012-8476008) (Aline) / [016-891 7288](tel:016-8917288) (Ryan).

Established on April 29, 1989 by St Faith's Church, TSF has been serving the community for 34 years with the objective of providing affordable early education for all.



TAJUK : WOMAN IN KUCHING CLAIMS TRIAL TO MISAPPROPRIATING STEPDAUGHTER'S FUNDS TOTALLING RM50,000

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Woman in Kuching claims trial to misappropriating stepdaughter's funds totalling RM50,000

KUCHING: A 39-year-old woman claimed trial in the Magistrates' Court here yesterday to five counts of dishonestly misappropriating a total of RM50,000 belonging to her stepdaughter in May this year. Arinie Ghani pleaded not


guilty for two charges each before Magistrates Mason Jaro Lenya Barayan and Zubaidah Sharkawi, and one charge before Magistrate Syarifah Fatimah Azura Wan Ali. For each charge faced in

their courtrooms, Syarifah and Zubaidah granted court bail of RM2,000 along with a local surety, while Mason set court bail of RM3,000 with one local surety. The magistrates also fixed Sept 12 for case management. All the charges were framed

under Section 403 of the Penal Code, which provides for an imprisonment term of between six months and five years, with caning and a fine upon conviction. Arinie is accused of committing the offence five times at a bank

near Jalan Kulas Tengah here between May 3 and 7. It is alleged that the 23-year-old stepdaughter saw security footage from the said bank showing Arinie withdrawing RM50,000 in stages from her (stepdaughter's) account on

those days. The cases were prosecuted separately by Insp Merylene Lindan Andrew Mang, Insp Nur Shafiq Nyaie Ilin, and Insp Mohd Adzmei Ahmad. Arinie was represented by counsel Patrick Voon.



TAJUK : CENTRE IN CHILD ABUSE CASE SHUTS DOWN TEMPORARILY

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 12

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Centre in child abuse case shuts down temporarily

By DURIE RAINER FONG
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: A childcare centre involved in a child abuse case by one of its caregivers has issued a full apology to the family of a four-year-old boy.

Leong Fei Yeen, the principal of Taska and Tadika Sri Kandi here, said it had also decided to temporarily suspend operations until further notice to redirect efforts "towards addressing the issue and implementing necessary improvements".

"I humbly extend my sincerest apologies on behalf of Taska and Tadika Sri Kandi, following a

deeply unfortunate incident of child abuse that regrettably took place within our kindergarten," she said in a letter here.

"Our hearts go out to the parents, family, and the child who were affected, as well as to the concerned public who rightly expressed their worries about this incident.

"We accept full responsibility for the situation and acknowledge our duty to provide a secure environment for every child under our care."

A 27-year-old caregiver, who was arrested on Wednesday, has been remanded for a week from Thursday to facilitate investiga-

tions into the alleged child abuse. A clip of the incident, which took place Tuesday, went viral on Wednesday.

It shows a woman slapping and hitting a child multiple times, including with a metal object.

She is also seen pulling his hair in front of other children at the centre.

This caused an uproar among the public, with many condemning the actions of the caregiver and others blaming the childcare centre in Luyang here for the incident.

Police have received three reports about the incident – one from the boy's mother and one

each from the centre operator and from the suspect, who claimed the child's father had assaulted her.

Leong said that the centre was giving its complete commitment to collaborating with the ongoing investigations, which she said were promptly initiated following the incident.

She also thanked Luyang assemblyman Phoong Jin Zhe, who is also the state Industrial Development and Entrepreneurship Minister, who she said was not only concerned with the case but took time to understand the actual situation.

"The minister's valuable

insights underscore the paramount importance of prioritising the well-being of children above all else," she said.

Phoong visited the premises along with Kota Kinabalu deputy police chief Supt Kalsom Idris and officers from the Social Welfare Department on Thursday.

Following the incident, state Community Development and People's Wellbeing Minister Datuk James Ratib said guidelines on daycare centres would be tightened to ensure incidents of abuse against children do not occur.

He said he had ordered the Social Welfare Department to probe the incident thoroughly.



TAJUK : JEALOUS EX-HUSBAND ATTACKS MAN WITH AXE

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Jealous ex-husband attacks man with axe

KOTA KINABALU: A man was enjoying a pleasant dinner with his girlfriend inside his car when he was unexpectedly attacked by the woman's ex-husband, who wielded an axe.

The 37-year-old victim almost lost a toe besides suffering injuries to his face and hands in the 9pm incident that took place in Likas on Wednesday.

The police believed the incident was motivated by jealousy.

Before the attack, the man had parked his car in an open space near Menara Kinabalu, which is the state administrative complex, before proceeding to have his meal with his girlfriend, aged 30.

According to Kota Kinabalu police chief Asst Comm Mohd Zaidi Abdullah, three men approached the car.

It is believed that one of them, the woman's ex-husband, repeatedly swung an axe at the victim.

It was learnt that the woman had married the suspect in 2015. The couple divorced about a month ago.

The woman befriended the victim for six months before entering into a romantic relationship with him two weeks ago.

A video of the attack was also widely shared on social media.

ACP Mohd Zaidi said the couple somehow managed to escape, with the man driving quickly to the nearby Alam Mesra police station.

The victim, he said, was then sent to the Queen Elizabeth Hospital for treatment. His girlfriend was not injured.

"The case is being investigated under Section 326 of the Penal Code for voluntarily causing grievous hurt using a dangerous weapon," he said.

As such, he said, police were looking for three people to facilitate investigations into the case.

They were Winhal Jalali, 37, believed to be the woman's ex-husband, and Abdel Jalali, 27, while another man has yet to be identified.

He urged those with information on the whereabouts of the individuals to contact the nearest police station.



TAJUK : 'PHONE SCAM': KERANI WANITA RUGI RM250,000

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 01&02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Phone scam': Kerani wanita rugi RM250,000

MIRI: Seorang kerani wanita berusia 40-an di Miri menanggung kerugian berjumlah RM250,000 selepas dipercayai diperdaya sindiket 'phone scam'.

Pesuruhjaya Polis Sarawak Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri berkata, mangsa pada mulanya menerima panggilan daripada individu

yang memperkenalkan dirinya sebagai ejen sebuah syarikat kurier pada penghujung Julai lalu.

"Ejen tersebut mendakwa mangsa telah membuat penghantaran barangan dan hasil semakan pihak kurier mendapati lima keping kad pengenalan, lima keping kad mesin juruwang automatik (ATM) dan lima pasport yang dikirim kepada seorang penerima di Terengganu.

"Bagaimanapun, mangsa menafikan dakwaan suspek, sebelum talian telefon itu disambungkan ke nombor lain bagi membolehkan mangsa membuat laporan polis secara dalam atas talian dan bercakap dengan 'Sarjan Lai' dari IPK (Ibu Pejabat Kontinjen) Perak.

"Seterusnya 'Sarjan Lai' mengatakan hasil semakan butiran mangsa mendapati nama mangsa terlibat dengan satu kumpulan pemerdagangan manusia ke negara Vietnam yang didalangi dua individu bergelar Dato," katanya dalam satu kenyataan media semalam.



AZMAN

'Phone scam': Kerani wanita rugi RM250,000

► Dari Muka 1

Susulan itu, Azman berkata mangsa yang berasa cemas dengan dakwaan tersebut kemudian mahu 'Sarjan Lai' membantu menyelesaikan kes tersebut, tetapi suspek memberitahu mangsa perlu merahsiakan perkara itu daripada sesiapa sahaja dan mangsa turut dikehendaki melaporkan diri setiap tiga jam kepada suspek melalui WhatsApp.

Selain itu katanya, suspek turut memperkenalkan 'Dato Wong' dari Bukit Aman yang kononnya boleh membantu menyelesaikan kes mangsa terbabit.

Azman berkata, mangsa kemudian menghubungi 'Dato Wong' dan dimaklumkan satu waran tangkap telah dikeluarkan dan mangsa akan ditangkap pada bila-bila masa serta akan didakwa di mahkamah.

"Seterusnya, mangsa diarah menyerahkan semua akaun bank untuk semakan pihak Bank Negara kerana pihak polis mendapati wang pengadu juga terlibat dengan pengubahan wang haram.

"Oleh kerana takut, mangsa telah memaklumkan beliau mempunyai empat akaun

bank atas namanya, sebelum suspek mengarahkan mangsa memindahkan wang miliknya ke beberapa akaun bagi tujuan semakan Bank Negara," ujarnya.

Ekoran itu, Azman berkata mangsa melakukan sembilan transaksi pemindahan wang secara dalam talian daripada akaun-akaun bank miliknya serta deposit tunai yang keseluruhannya bernilai lebih kurang RM250,000 ke lapan akaun bank berbeza pada penghujung Julai lalu hingga awal bulan ini.

"Mangsa hanya menyedari ditipu setelah panggilan dan mesej WhatsApp disekat oleh 'Sarjan Lai' sebelum mangsa menceritakan perkara itu kepada kakaknya dan mangsa diberitahu telah ditipu.

"Anggaran jumlah kerugian yang dialami mangsa bernilai lebih kurang RM250,000 dan kemudian mangsa tampil membuat laporan polis pada Khamis untuk siasatan selanjutnya," katanya.

Sehubungan itu, Azman menasihatkan orang ramai agar tidak melayani panggilan telefon yang tidak dikenali dan tidak memberikan maklumat perbankan kepada individu atau mana-mana pihak yang tidak dikenali.


Selain itu, orang ramai turut disarankan agar tidak mudah panik atau cemas dan takut dengan sebarang dakwaan yang dibuat ke atas diri mereka sekiranya tidak melakukan apa-apa kesalahan.

Orang ramai boleh menghubungi National Scam Response Center (NSRC) di talian 997 jika menjadi mangsa penipuan siber seperti Phone Scam, Love Scam, e-Dagang, pinjaman tidak wujud dan sebagainya, dan sekiranya mangsa bahu sahaja membuat transaksi pemindahan wang ke mana-mana akaun bank atau e-dompot suspek.

Disamping itu, orang ramai juga boleh hubungi Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (CCID) infoline melalui WhatsApp atau khidmat pesanan ringkas (SMS) di talian 013-2111222 bagi mendapatkan nasihat atau menyalurkan maklumat berhubung kes-kes jenayah dalam talian.

Orang ramai juga boleh membuat semakan nombor telefon dan akaun bank suspek melalui aplikasi Check Scammers CCID atau melalui laman web <http://semak-mule.rmp.gov.my> sebelum membuat sebarang transaksi kewangan.

◆ [Lihat Muka 2](#)



TAJUK :	HARI KARNIVAL LITTLE BOSS 5.0 BERJAYA KUMPUL RM5,752		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	12 OGOS 2023	M/SURAT :	08
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Hari Karnival Little Boss 5.0 berjaya kumpul RM5,752

MIRI: Sejumlah RM5,752 berjaya dikumpulkan menerusi Hari Karnival Little Boss 5.0 anjuran Junior Chamber International (JCI) Lutong yang berlangsung di Bintang Megamall Miri di sini, baru-baru ini.

JCI Lutong dalam kenyataan medianya berkata, daripada jumlah itu, RM2,876 menerusi program berkenaan, manakala selebihnya merupakan sumbangan hasil kutipan persendirian daripada Torr Energy Sdn Bhd.

“Dana yang dikumpulkan ini akan disumbangkan kepada kempen katarak di Lawas pada 20 hingga 22 September depan.

“Sumbangan mereka membantu menaja 20 hingga 30 pesakit katarak menjalani pembedahan lensa, membantu mereka mendapatkan semula penglihatan cerah. Setiap pembedahan terbabit menelan kos sekitar RM400,” jelas JCI Lutong.

Hari Karnival Little Boss 5.0 terbabit telah diser-

tai lebih 15 gerai daripada usahawan muda yang terdiri daripada pelajar berusia tujuh hingga 12 tahun dari beberapa sekolah rendah di sini yang mempamerkan pelbagai produk kraf tangan menarik, makanan yang dimasak bersama ibu bapa mereka dan hasil masakan sendiri.

Majlis telah dirasmikan oleh Kaunselor Leslie Lau yang mewakili Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Datuk Sebastian Ting.

Pada majlis berkenaan, tujuh anugerah turut disampaikan kepada para pemenang usahawan muda sebagai tanda penghargaan atas usaha mereka.

Anugerah berkenaan masing-masing ialah Leadership Award, Rising Star Award, Superstar Award, Best Outlet Award, Best Pitch Award dan Best Employer Award.

Bagi Best Outlet Award dimenangi oleh Team CGS, Akasia dan Fire Fox, manakala Best Pitch Award dimenangi

oleh Black Smith, Flower Girls dan CMZ Knewton Group, sementara Best Employer Award berpihak kepada Whimsical Wonders dan Meow Meow Fun.

Pasukan Whimsical Wonders pula menerima anugerah Best Social Enterprise yang telah menyumbangkan kesemua hasil pendapatan mereka pada karnival berkenaan sebanyak RM494.

JCI Lutong turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan kongsi bagi acara berkenaan iaitu Torr Energy, Amanah Saham Nasional Berhad, Chamspeak, efresh dan penaja acara Sarawak Oil Palms Berhad, Sugarbun Bintang Megamall, Three Legs Cooltopia, Seed Pastry House dan Harmoni Schools.

“Kami juga berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan acara tersebut, termasuk sokongan dalam penyediaan lokasi daripada Bintang Megamall Miri dan Pusat Pendidikan Champs,” tambah kenyataan itu.



UNTUK ALBUM: JCI Lutong merakam kenangan bersama para peserta usahawan cilik yang telah menjayakan Hari Karnival Little Boss 5.0 di Bintang Megamall Miri, baru-baru ini.



TAJUK : IBU DAN TEMAN LELAKI DIDAKWA BUNUH ANAK

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu dan teman lelaki didakwa bunuh anak

TAIPING: Seorang ibu dan teman lelakinya didakwa di Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan membunuh anak lelakinya yang berusia sembilan tahun, bulan lepas.

Siti Farina Mohamed Basharol Ariffin, 36, dan Izuhaizad Ismail, 37, menganggu faham selepas pertuduhan dibacakan terhadap mereka di hadapan Majistret Nur 'Atiqah Sapari.

Mereka didakwa bersama-sama membunuh dengan menyebabkan kematian Muhammad Hasiffaidhi Mohamad Jeffry, 9, di sebuah rumah di Jalan Panglima 5, Taman Panglima Assam Kumbang di sini antara 10 pagi, 29 Julai dan 10.52 pagi, 30 Julai lepas.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Kedua-dua tertuduh berdepan hukuman mati atau penjara minimum 30 tahun dan maksimum 40 tahun, dan hendaklah jika tidak dihukum dengan hukuman mati dihukum dengan mini-



DIDAKWA: Seorang ibu dan teman lelakinya didakwa di Mahkamah Majistret di Taiping semalam atas pertuduhan membunuh anak lelakinya yang berusia sembilan tahun, bulan lepas. — Gambar Bernama

mum 12 sebatan, jika sabit kesalahan.


Mahkamah menetapkan sebutan kes pada 16 Oktober ini untuk laporan kimia, bedah siasat, forensik dan ujian asid deoksiribonukleik (DNA).

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Siti Nur Amalina Harun.

Pada 31 Julai lalu, seorang kanak-kanak lelaki

ditemukan meninggal dunia di sebuah rumah dan atas maklumat orang awam dan hasil siasatan awal mendapati terdapat unsur penderaan terhadap mangsa.

Polis kemudiannya menahan ibu mangsa dan teman lelakinya yang turut tinggal di rumah berkenaan bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksan. — Bernama



TAJUK :	KPWKM RANCANG KUAT KUASA UNDANG-UNDANG PEMASANGAN CCTV DI TASKA		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	12 OGOS 2023	M/SURAT :	10
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

KPWKM rancang kuat kuasa undang-undang pemasangan CCTV di taska

CYBERJAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam perancangan untuk menguatkuasakan undang-undang pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di setiap premis taska berdaftar bagi menangani isu penderaan kanak-kanak.

Menteri berkenaan Datuk Seri Nancy Shukri berkata pihaknya akan melakukan perbincangan berhubung perkara itu di peringkat kementerian yang melibatkan agensi dan jabatan berkaitan dalam masa terdekat.

Bercakap pada sidang media selepas merasmikan Program Pemerksaan Organisasi Dalam Komuniti (CBO) KPWKM semalam, beliau berkata terdapat premis taska yang tidak memasang CCTV kerana tiada penguatkuasaan di bawah undang-undang setakat ini, sebaliknya

pengusaha taska hanya digalakkan memastikannya.

“Dulu pun kita suruh, ada yang tidak bersetuju kerana (faktor) kos pemasangan CCTV. Mungkin kita akan tengok adakah ia melibatkan kos yang terlalu tinggi. Itu kita akan bincang bersama,” katanya mengulas video tular seorang kanak-kanak dipercayai didera di sebuah taska di Sabah yang diambil daripada rakaman CCTV.

Nancy berkata dengan adanya pemasangan CCTV, ia dapat mengembalikkan keyakinan ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke pusat jagaan berikutan kes penderaan yang berlaku sebelum ini.

“Elok untuk kita pastikan CCTV itu dipasang dan pengurus taska haruslah mematuhi,” katanya.

Pada Mac lepas di Dewan Rakyat, Nancy dilaporkan berkata tindakan mewa-

jibkan pemasangan CCTV kepada pengusaha taska yang berdaftar, antara tiga penambahbaikan yang dilakukan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam usaha meningkatkan operasi di pusat jagaan kanak-kanak itu.

Katanya pemasangan CCTV di taska juga membolehkan sebarang kejadian tidak diinginkan jika berlaku di premis itu dapat disiasat lebih terperinci.

Sementara itu, Nancy berkata sebanyak 3,767 kes kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dilaporkan di seluruh negara dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.


Selain itu, katanya berdasarkan statistik dikeluarkan oleh JKM, jabatan itu juga telah mengendalikan 402 kes keganasan rumah tangga di seluruh negara dalam tempoh sama.

Dalam usaha mem-

bandung peningkatan kes seumpama itu, beliau berkata KPWKM telah mewujudkan CBO yang berperanan dalam membangunkan komuniti setempat menerusi penglibatan dan tindakan kolektif ahli komuniti.

“Isu penjagaan keselamatan golongan rentan dalam komuniti khususnya kanak-kanak, golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas serta mangsa keganasan rumah tangga tidak boleh dipandang remeh.

“Tugas melindungi serta menjaga keselamatan dan kebajikan golongan tersebut adalah tanggungjawab semua termasuk komuniti setempat,” katanya yang turut melancarkan direktori CBO KPWKM @ Sepang sebagai dokumen rujukan untuk menyantuni kumpulan sasar sekali gus mempercepatkan tindakan yang boleh diambil di peringkat komuniti. — Bernama



TAJUK : WANITA MENGAKU TIDAK BERSALAH SELEWENG RM50,000 MILIK ANAK TIRI

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita mengaku tidak bersalah seleweng RM50,000 milik anak tiri

KUCHING: Seorang wanita mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini semalam atas lima pertuduhan menyeleweng sejumlah RM50,000 milik anak tirinya pada Mei.

Arinie Ghani, 39, mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan masing-masing di hadapan Majistret Mason Jaro Lenya Barayan dan Zubaidah Sharkawi serta satu pertuduhan di hadapan

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali.

Syarifah dan Zubaidah membenarkan ikat jamin RM2,000 bersama seorang penjamin tempatan, manakala Mason menetapkan ikat jamin sebanyak RM3,000 dengan seorang penjamin tempatan bagi setiap pertuduhan yang dihadapinya.

Majistret juga menetapkan 12 September 2023 untuk semua pengurusan kes.

Kesemua pertuduhan itu didakwa mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara antara enam bulan dan lima tahun dengan sebat dan denda, jika sabit kesalahan.


Arinie didakwa melakukan kesalahan itu sebanyak lima kali di sebuah bank dekat Jalan Kulas Tengah di sini antara 3 dan 7 Mei 2023.

Anak tiri Arinie (pen-

gadu), 23, mendakwa melihat rakaman keselamatan dari bank tersebut menunjukkan Arinie telah mengeluarkan sejumlah RM50,000 secara berperingkat antara 3 dan 7 Mei 2023.

Kes didakwa secara berasingan oleh Inspektor Merylene Lindan Andrew Mang, Nur Shafiqah Nyaie Ilin, dan Mohd Adzmei Ahmad.

Arinie diwakili peguam Patrick Voon.



TAJUK : WANITA THAI DIDENDA RM3,000 KERANA TERLIBAT DALAM PELACURAN

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita Thai didenda RM3,000 kerana terlibat dalam pelacuran

KUCHING: Seorang wanita warga Thailand berusia 34 tahun didenda RM3,000 atau empat bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini semalam kerana terlibat dalam aktiviti pelacuran.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali menjatuhkan hukuman itu terhadap Nongnapas yang didakwa mengikut Seksyen 372B Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan

hukuman penjara tidak melebihi setahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.


Nongnapas melakukan kesalahan itu di sebuah rumah penginapan berhampiran Jalan Ban Hock di sini sekitar jam 5 petang pada 1 Ogos 2023.

Berdasarkan fakta kes, seorang pegawai polis yang merupakan pengadu meneri-

ma mesej WhatsApp yang menyatakan 'on' daripada ejen yang menyamar.

Pengadu kemudian bergegas ke premis berkenaan dan menahan Nongnapas serta merampas barangan seperti kondom dan wang tunai RM150.

Pendakwaan dikendalikan Inspektor Mohd Adzmei Ahmad, manakala Nongnapas tidak diwakili peguam bela.



TAJUK : WANITA THAILAND MASUK SECARA HARAM DIPENJARA EMPAT BULAN

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 12 OGOS 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita Thailand masuk secara haram dipenjara empat bulan

Tertuduh turut didenda RM3,000 kerana terlibat aktiviti pelacuran

KUCHING: Seorang wanita warga Thailand dipenjara empat bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana memasuki Malaysia secara haram dan didenda RM3,000 atau penjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda oleh Mahkamah Majistret kerana terlibat dalam aktiviti pelacuran.

Siriwun, 28, mengaku bersalah atas setiap pertuduhan di hadapan Hakim Saiful Bahari Adzmi dan Majistret Zubaidah Sharkawi yang turut mengarahkannya dirujuk ke Jabatan Imigresen Malaysia selepas selesai menjalani hukuman.

Bagi kesalahan pertama, dia didakwa mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 6(3) Akta sama yang membawa hukuman denda tidak kurang



KE PENJARA: Siriwun diiringi keluar oleh anggota polis dari bilik mahkamah selepas prosiding.

RM10,000 atau penjara untuk tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Bagi kesalahan kedua, dia didakwa mengikut Seksyen 372B Kanun Keseksan yang

memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi setahun atau denda atau kedua-duanya sekiranya sabit kesalahan.

Kedua-dua kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah


penginapan berhampiran Jalan Ban Hock di sini sekitar jam 5 petang pada 1 Ogos 2023.

Fakta kes mendedahkan seorang pegawai polis menerima mesej WhatsApp yang menyatakan 'on' daripada ejen penyamar sebelum menyerbu premis itu dan menahan Siriwun.

Siasatan mendapati Siriwun memasuki Malaysia tanpa dokumen perjalanan yang sah dan Jabatan Imigresen Malaysia juga mendedahkan tiada rekod kemasukan terbaharu untuknya.

Selain itu, Siriwun juga telah meminta pengadu dan ejen yang menyamar sebagai pelanggan.

Pendakwaan kes tersebut didakwa secara berasingan oleh DPP Danial Mohamad Ali dan Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin, manakala Siriwun tidak diwakili peguam bela.



TAJUK :	WARGA EMAS MAUT JATUH MOTOSIKAL DAN DIGILIS LORI		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	12 OGOS 2023	M/SURAT :	01
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Warga emas maut jatuh motosikal dan digilis lori

SIBU: Seorang lelaki warga emas maut selepas dipercayai terjatuh dari motosikal yang ditungganginya sebelum digilis sebuah lori dalam kemalangan jalan raya di Jalan Deshon, petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkipli Suhaili berkata, kemalangan berlaku pada jam 5.25 petang apabila mangsa dipercayai hilang kawalan ketika menunggang motosikal di tempat kejadian.

"Mangsa yang terjatuh dari motosikalnya dipercayai telah digilis tayar belakang sebuah lori yang bergerak semasa lampu isyarat hijau," katanya dalam satu

kenyataan, semalam.

Akibat kemalangan itu, mangsa yang mengalami kecederaan parah di bahagian badan telah disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

Zulkipli berkata, polis sedang menyasiat kes itu di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 kerana memandu secara melulu dan berbahaya sehingga menyebabkan kematian.

Tambahnya, polis turut meminta kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kemalangan itu agar menghubungi Pegawai Penyiasat Trafik Inspektor Mohd Salman Zulfitri Sheekandar menerusi talian 013-9999269.



TERSADAI: Keadaan motosikal mangsa dalam kemalangan jalan raya di Jalan Deshon, petang kelmarin.